

BAB 5
Akhlik dalam Pembentukan Jati Diri Muslim I

Maruwiah Ahmat

CTU 101: PRINSIP-PRINSIP ASAS ISLAM

PENDAHULUAN

2

Hasil Pembelajaran

- Menghuraikan pengertian ibadah
- Menjelaskan pembahagian ibadah
- Menjelaskan asas-asas ibadah
- Menjelaskan impak ibadah dalam kehidupan muslim

Kandungan

5. Akhlak dalam Pembentukan Jati Diri Muslim
 - 5.1 Pengertian akhlak
 - 5.2 Kategori dan skop akhlak
 - 5.3 Pembinaan dan pemantapan akhlak
 - 5.4 Cabaran dan penyelesaian dalam pembentukan akhlak

PENDAHULUAN

3

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah yang sangat istimewa dengan kurniaan akal fikiran berbanding makhluk lain.

Dengan akal manusia dapat berfikir dan membentuk amalan perbuatan.

Menurut Islam, akal semata-mata tidak dapat mengimbangi perbuatan manusia.

PENDAHULUAN

4



Akal manusia adalah terhad dalam berfikir, maka Allah datangkan syariat yang terangkum didalamnya ilmu akhlak atau juga dikenali tamadun kemanusiaan bagi mengimbangi pemikiran dan pembangunan kehidupan manusia.

PENDAHULUAN

5



Walaupun manusia boleh dipisahkan daripada bidang ilmu atau pemikiran, bahkan juga boleh dipisahkan daripada agama dan kepercayaan, tetapi tidak boleh dipisahkan dengan akhlak atau moral.



Ini kerana setiap perbuatan, amalan atau tindakan yang diambil tidak terlepas atau terkeluar daripada lingkungan hukuman sama ada terhadap dirinya atau orang lain ataupun benda lain iaitu adakah baik atau tidak segalah tindakan tersebut.



Jika baik jawapannya perkara itu akan dilakukan tetapi jika jahat perkara itu akan ditinggalkan. Itulah akhlak yang baik. Tetapi jika sebaliknya yang dilakukan itulah akhlak yang buruk.

PENDAHULUAN

6

- Akhlak mempunyai **pengaruh yang besar** ke atas diri individu Muslim dan umatnya.
- Manusia membentuk dan mengolah gerak laku perbuatan dan amalannya **mengikut bentuk dan acuan sistem akhlak** tersebut.
- Jika setiap individu muslim berakhlik mulia, maka sudah pasti masyarakat itu akan dipenuhi dengan keadilan, keamanan dan kesejahteraan dan terselamat dari keadaan huru-hara, perpecahan dan sebagainya.

Maruwiah Ahmat

1

PENDAHULUAN

7

- Akhlak mulia merupakan tunggang kekuatan masyarakat dan negara.
- Oleh itu setiap individu wajib berjuang menegakkan akhlak mulia dan berusaha mencegah dan memerangi apa sahaja gejala kerosakan akhlak dalam masyarakat.
- Jika perkara ini diabaikan, tentu seseorang itu akan rugi dan mendapat kehinaan, baik dalam masyarakat, mahu pun negara, di dunia dan di akhirat.



PENDAHULUAN

8

- Dalam konteks **kemajuan dan pembinaan tamadun Islam**, seseorang individu sangat **perlu melengkapkan diri** terlebih dahulu dengan budi pekerti yang luhur.
- Kemudian **merealisasikannya pula kepada orang lain** supaya mampu membentuk generasi akan datang sebagai asas kekuatan ummah sejagat.
- Budi pekerti yang luhur adalah satu daripada sifat yang dimiliki Rasulullah SAW dan telah menjadi amalan harian baginya kerana akhlak itu termasuk setengah daripada iman.

PENDAHULUAN

9



PENDAHULUAN


10

- Manusia sempurna (**insan kamil**) ialah manusia yang **berilmu dan berakhlik mulia**. Maka seseorang yang jahil tetapi berakhlik mulia lebih baik dari seseorang yang berilmu tetapi tidak berakhlik.
- Oleh itu mendidik anak-anak dengan pelajaran tinggi tanpa mendidik akhlak mereka bererti kita mendidik para penjenayah profesional yang boleh menjual negara, bangsa dan agama.
- Untuk membina dan membentuk akhlak individu dan masyarakat ia haruslah terlebih dahulu melalui pembentukan yang bersifat **rohani**.

PENDAHULUAN

11

- Akhlak merupakan citra yang dirangkaikan bersama hati dan budi yang bersifat rohani, dipamerkan melalui gaya dan tindakan.
- Akhlak diasaskan oleh **akidah** dan disuburkan oleh **ibadah**.



PENDAHULUAN

12

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya.”

(Hadith Riwayat Ahmad)

Saidatina Aisyah pernah berkata berkaitan akhlak Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Akhlaknya (Rasulullah s.a.w) adalah Al-Quran.”

(Riwayat Muslim)

PENDAHULUAN

13

- Akhlak Rasulullah s.a.w yang dimaksudkan dalam kata-kata di atas ialah **kepercayaan, keyakinan, pegangan, sikap dan tingkah laku** Rasulullah s.a.w yang semuanya merupakan pelaksanaan ajaran Al-Quran.
- Akhlak Islam dalam Al-Quran merupakan **satu fitrah semula jadi manusia** yang tidak bercanggah sedikit pun dengan akal pada setiap masa dan tempat.
- Kembali kepada Al-Quran bererti mengembalikan manusia kepada jalan akhlak yang benar-benar diperlukan dan dicari oleh setiap manusia.

PENDAHULUAN

14

- Akhlak meliputi segala lapangan hidup baik rohani maupun jasmani, meliputi dunia dan akhirat.
- Firman Allah bermaksud,
Demi sesungguhnya Rasulullah s.a.w adalah contoh yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah s.w.t dan balasan baik di hari akhirat nanti dan dia sentiasa mengingati Allah setiap masa. (Al-Ahzab: 21)

PENGERTIAN AKHLAK

15

MORAL

- **Moral** adalah sifat atau perbuatan yang terikat dengan situasi, tempat dan masa dalam sesebuah masyarakat.
- Sarjana sains sosial menganggap bahawa moral itu adalah sesuatu yang boleh berubah-ubah mengikut perubahan masa dan pandangan sesebuah masyarakat.
- Moral dari **segi bahasa** berasal daripada perkataan Latin '*mores*' atau *moralis* iaitu jamaik kepada perkataan '*mos*' yang bererti kebiasaan iaitu perbuatan, budi pekerti dan perangai.
- Menurut **istilah**, *Dictionary of Education* menyatakan bahawa moral ialah suatu istilah yang digunakan untuk menentukan batas-batas dari **sifat, perangai, kehendak, pendapat atau perbuatan secara layak** dapat diaktakan benar, salah, baik, atau buruk.

PENGERTIAN AKHLAK

16

- Mengikut kamus Oxford Advanced Learner's, moral bermaksud kesedaran tingkah laku betul dan salah, apa yang perlu dipatuhi dan ditinggalkan serta bersifat praktikal.
- Moral juga bermaksud sebagai **tingkah laku yang sesuai dengan tatasusila atau peraturan masyarakat setempat** di mana masyarakat bertindak sebagai penentu.
- Perimbangan moral juga bergantung kepada suasana atau keadaan yang membentuk individu contohnya seperti **sistem sosial, kelas sosial dan kepercayaan yang dianuti**.
- Moral yang baik ialah segala tingkah laku yang telah dikenal pasti oleh etika sebagai baik.
- Manakala moral yang jahat ialah tingkah laku yang dikenal pasti oleh etika sebagai jahat.

PENGERTIAN AKHLAK

17

Etika

- dari **segi bahasa**, berasal daripada bahasa Inggeris '*ethic*' dan bahasa Greek '*ethos*' yang membawa maksud hukum, adat resam dan budi pekerti. Etika juga membawa maksud nilai-nilai atau perkara yang berkaitan dengan sikap yang menentukan tingkah laku sesuatu golongan.
- Dalam sesebuah organisasi, istilah etika digunakan merujuk kepada kajian mengenai **isu standard moral** yang boleh membantu dalam meningkatkan integriti.
- Etika merupakan ilmu pengetahuan yang berhubung dengan keupayaan menentukan perbuatan yang dilakukan manusia untuk dikatakan baik atau buruk.
- Etika merupakan tingkah laku dan kelakuan moral yang dijangka diikuti oleh manusia sejagat.

PENGERTIAN AKHLAK

18

```

graph TD
    Etika --> Normatic
    Etika --> Mataethic
    Normatic --> NDef[Normative]
    Mataethic --> MDef[Mataethic]
    NDef --> NKrit["'kritikal' yang berfungsi untuk mengkritik terhadap apa-apa yang telah dianalisis. Tujuannya ialah untuk memperkuatkan lagi etika."]
    MDef --> Analitik["'analitik' yang berfungsi menganalisis semua peraturan yang berkaitan dengan tingkah laku baik dan jahat."]
  
```

Normative iaitu panduan dan peraturan berkaitan dengan tingkah laku yang baik dan jahat.

Etika

Mataethic yang terbahagi kepada dua,

'kritikal' yang berfungsi untuk mengkritik terhadap apa-apa yang telah dianalisis. Tujuannya ialah untuk memperkuatkan lagi etika.

'analitik' yang berfungsi menganalisis semua peraturan yang berkaitan dengan tingkah laku baik dan jahat.

PENGERTIAN AKHLAK



19 | Akhlak

- Menurut Kamus Dewan (1989) akhlak adalah budi pekerti, kelakuan, watak, pengetahuan berkaitan dengan kelakuan, tingkah laku manusia dan sebagainya sama ada baik atau jahat.
- Perkataan akhlak adalah berasal daripada bahasa Arab, ***khulq*** yang membawa maksud kepercayaan, keyakinan, pegangan, sikap, tabiat dan tingkah laku.
- ***Al-khulq*** dari segi bahasa bererti **sifat dan tabiat**. Perkataan ini pula adalah pecahan daripada perkataan ***al-khalqa*** yang bermaksud ciptaan.

PENGERTIAN AKHLAK




20 |

- Manusia dicipta dengan penuh keindahan (sebaik-baik kejadian).
- Keindahan itu meliputi lahiriah (fizikal) dan batiniah (spiritual) diri manusia.
- Keindahan ciptaan fizikal diistilahkan sebagai ***al-khalq (al-khalqa)*** seperti raut muka, warna kulit, tinggi rendah tubuhnya dan sebagainya.
- Keindahan dalam diri manusia adalah termasuk dalam istilah ***al-khuluq*** yang menggambarkan keindahan jiwa, kehendak, inspirasi dan batiniahnya.

PENGERTIAN AKHLAK



21 |



PENGERTIAN AKHLAK



22 |

- Akhlak dari segi istilah membawa maksud **segala laku perbuatan yang telah menjadi adat kebiasaan, apabila dilakukan tidak perlu lagi berfikir panjang** (Abul A'la al-Maududi, 1967).
- Setelah tingkah laku yang telah diamalkan sekian lama dan diterima oleh sesuatu masyarakat sebagai sebahagian daripada cara hidup, itu dinamakan akhlak.
- Istilah akhlak adalah suatu istilah yang bersifat rabbani kerana ia bersumber dari Allah SWT. Firman Allah bermaksud, *Dan sesungguhnya kamu benar-benar berakhlek yang agung.* (al-Qalam: 4)

PENGERTIAN AKHLAK



23 |

- Menurut **Imam al-Ghazali**: "Akhlak sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang dan darinya terbentuk perbuatan dengan mudah tanpa berkehendakkan pertimbangan fikiran terlebih dahulu". Akhlak yang mulia mempunyai **empat** perkara iaitu:

- bijaksana,
- memelihara diri dari sesuatu yang tidak baik,
- keberanian (menundukkan hawa nafsu) dan
- bersifat adil

PENGERTIAN AKHLAK



24 |

- Menurut tulisan **Ibn Miskawayh** (1966) di dalam kitab beliau, *Tahdhib al-Akhlaq*, akhlak adalah keadaan sesuatu jiwa yang menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa pertimbangan fikiran terlebih dahulu, di mana keadaan jiwa tersebut, menurut Ibn Miskawayh terbahagi dua bahagian:

keadaan jiwa yang bersifat tabii

keadaan jiwa yang 'dibentuk' melalui latihan dan kebiasaan.

PENGERTIAN AKHLAK

25

- Mohd Nasir Omar (1986) merumuskan akhlak haruslah mempunyai tiga ciri utama:
 - Aspek batin atau keadaan dalaman (jiwa) seseorang yang menjadi tenaga penggerak kepada pembentukan tingkah laku luaran.
 - Aspek luaran atau tingkah laku itu sendiri yang dikalukan bukan kerana tekanan emosi, desakan atau tekanan dari pihak luar yang bersifat paksaan dan sebagainya.
 - Perbuatan-perbuatan tersebut secara berterusan hingga menjadi kebiasaan dan darah daging kepada seseorang.

PENGERTIAN AKHLAK

26

```

graph TD
    SA[SUMBER AKHLAK ISLAM] --> A[Al-Quran]
    SA --> H[Hadith]
    A --> A_Def[Allah menjelaskan akhlak para nabi melalui ayat-ayat dalam Al-Quran sebagai ikhtiar dan panduan]
    H --> H_Def[Melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan Nabi Muhammad SAW.]
  
```

KATEGORI AKHLAK

27

```

graph TD
    KA[KATEGORI AKHLAK] --> AM[AKHLAK MAHMUDAH]
    KA --> AMZ[AKHLAK MAZMUMAH]
    AM --> HMD[1. HUBUNGAN MANUSIA DENGAN ALLAH]
    AM --> HM[2. HUBUNGAN MANUSIA DENGAN MANUSIA]
    AM --> HAL[3. HUBUNGAN MANUSIA DENGAN ALAM]
  
```

KATEGORI AKHLAK

28

AKHLAK MAHMUDAH

- Dituntut dalam Islam
- Ia merupakan segala kebaikan yang dilakukan oleh manusia sama ada kecil atau besar
- Ia menggambarkan perlaksanaan tanggungjawab terhadap perintah Allah dan keakuratan terhadap larangan-Nya.
- Mahmudah ialah sifat yang lahir di dalam diri seseorang yang menjalani *tazkiyyat an-nafs* secara gigih untuk membersihkan hakikat atau zat sejati manusia dari pelbagai sifat yang rendah dan hina (mazmumah).

KATEGORI AKHLAK

29

Menurut tokoh Greek klasik, Aristotle menegaskan bahawa matlamat ke arah membentuk etika dan sahsiah diri bukanlah hanya mempelajari ilmu sahaja tetapi yang lebih penting adalah menjadi orang baik dan merealisasikan kebaikan itu ke dalam perbuatan dan tingkah laku. Seseorang tidak dipanggil dermawan jika hanya ada harta yang banyak melainkan dia dermakan harta itu.

KATEGORI AKHLAK

30

Akhlik-akhlik yang mulia itu antara lainnya ialah lemah lembut, pemaaf, pemurah, rendah diri, sabar, redha, zuhud, berani, manis muka dan mesra, kasih sayang, bertolak ansur dan amanah. Semua sifat-sifat ini adalah yang dikatakan sifat-sifat yang dan terpuji atau disebut sebagai sifat mahmudah. Sifat-sifat hati yang baik ini akan memberi cahaya kepada kehidupan kita yang zahir.

KATEGORI AKHLAK

31 | Ini sesuai dengan sebuah Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

- “Di dalam diri manusia itu ada seketul daging. Apabila daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota lahir manusia itu. Jika daging itu rosak maka seluruh anggota lahir manusia itu akan rosak. Itulah dia hati.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim daripada Nu'man bin Basyir)



KATEGORI AKHLAK

32 | Hati manusia ditempa oleh apa yang lazim difikirkan, apa yang lazim diucapkan, dilihat, didengar dialami oleh seluruh pacainderanya dan apa yang biasa dilakukan.



KATEGORI AKHLAK

33 | Imam Al-Ghazali telah menggariskan sepuluh sifat Mahmudah/terpuji dalam kitab *Arbain Fi Usuluddin* iaitu:



```

graph TD
    A[1. Taubat] --> B[2. Khauf  
Kuatku]
    B --> C[3. Zuhud]
    C --> D[4. Sabar.]
    D --> E[5. Syukur]
    E --> F[6. Ikhlas.]
    F --> G[7. Tawakkal]
    G --> H[8. Mahabbah  
Kasih Sayang]
    H --> I[9. Redha]
    I --> J[10. Zikrul Maut  
Mengingati Mati]
  
```

KATEGORI AKHLAK

34 | “Saya mesti muslim dari sudut akhlak”



Syekh Fathi Yakan
“Apa erti saya menganut Islam’



- 1. Menjauhi perkara syubhat
- 2. Memelihara penglihatan
- 3. Memelihara lidah
- 4. Bersifat malu
- 5. Lemah lembut dan sabar
- 6. Jujur dan benar
- 7. Menjauhi sangka buruk dan mengumpat
- 8. Rendah diri
- 9. Pemurah

“Ingin tu kawan-kawan”

KATEGORI AKHLAK

35 |

- Sesiapa yang ingin melihat Allah S.W.T di dalam syurga, dia mesti membuat amal soleh dan tidak mensyirikkan Allah S.W.T.
- Amal soleh tidak akan dapat dicetuskan kalau di dalam hati seseorang itu tidak ada sifat-sifat mahmudah.
- Kerana itu tanamkan sifat-sifat mahmudah terlebih dahulu di dalam hati.
- Dan sifat-sifat mahmudah inilah akan mendorong seseorang itu melaksanakan amal-amal soleh di dalam kehidupannya. Itulah yang akan dinilai oleh Allah S.W.T dan diberi nikmat syurga di akhirat.

KATEGORI AKHLAK

AKHLAK MAZMUMAH

- Dicela oleh Islam.
- Merupakan segala bentuk perlakuan, sifat, tabiat dan perangai buruk yang dicela oleh syarak.
- Melakukan sesuatu yang dilarang Allah dan engkar melakukan suruhan-Nya.
- Akhlak mazmumah lahir dari sikap tidak mengambil berat untuk memperbaiki sahsiah diri sehingga seseorang itu biasanya tidak sedar dia berakhlak buruk.

KATEGORI AKHLAK

Akhlik Mazmumah

- Contoh akhlak atau budi pekerti yang keji itu ialah seperti sompong, pemarah, hasad dengki, dendam, bakhil, tamak dan yang lain-lain adalah penyakit-penyakit hati atau penyakit jiwa atau dikatakan penyakit batin.
- Sifat-sifat hati yang terkeji ini akan membentuk akhlak yang jahat dan melahirkan perbuatan yang keji. Ini akan menyusahkan hidup yang kekal abadi di akhirat pada seseorang itu kerana dia akan merasakan penderitaan neraka di akhirat kelak.

KATEGORI AKHLAK

- Jelas bagi kita di sini bahawa hati yang jahat, mengandungi sifat-sifat yang jahat akan menyebabkan seseorang itu hidup kekal abadi dalam kesengsaraan di neraka.
- Hati yang jahat itu akan mendorong anggota luar manusia itu melakukan perbuatan-perbuatan jahat seperti ia boleh mendorong tangan, mata, mulut, kaki dan anggota lain melakukan pelbagai kejahanatan.
- Orang yang selalu memikirkan penyakit batin ini adalah yang berakal dan cerdik. Manakala orang yang selalu memikirkan penyakit-penyakit zahir adalah yang jahil.

KATEGORI AKHLAK

Dua jenis penyakit

Penyakit Zahir Sentiasa mahu diubati Membabitkan pemakanan (90%) Ke klinik/hospital Mempunyai kos rawatan Mengambil masa untuk sembuh Orang berpenyakit zahir sentiasa mendapat rahmat Allah	Penyakit Batin Jarang mahu diubati Membabitkan akhlak/iman Berzikir/bertaubat Tiada kos rawatan Boleh sembuh serta-merta Orang berpenyakit batin akan dilaknat/dibenci Allah
---	---

KATEGORI AKHLAK

Imam Al-Ghazali juga telah menggariskan sepuluh sifat mazmumah/tercela/sifat keji dalam kitab tersebut iaitu:

```

    graph TD
      A[1. Banyak makan] --> B[2. Banyak bercakap]
      B --> C[3. Marah]
      C --> D[4. Hasad]
      D --> E[5. Bakhil]
      E --> F[6. Cintakan kemegahan]
      F --> G[7. Cintakan dunia]
      G --> H[8. Bangga diri]
      H --> I[9. Ujub]
      I --> J[10. Riya']
      J --> A
  
```

KATEGORI AKHLAK

Skop Akhlak

- Skop Akhlak
- Akhlik dengan Allah SWT
- Akhlik sesama manusia
- Akhlik dengan alam

SKOP AKHLAK

Manusia Dengan Allah

- Orang Mukmin ialah mereka yang mempunyai akhlak yang tinggi dalam konteks hubungannya dengan Allah s.w.t. Mereka mengenal Allah, beriman dan beribadah kepada-Nya, jauh sekali menentang atau bersikap biadab terhadap-Nya.
- Firman Allah s.w.t yang bermaksud, *Maka siapakah yang lebih zalim daripada orang yang membuat dusta terhadap Allah dan membohongi kebenaran ketika datang kepadanya? Bukankah di neraka Jahanam tersedia tempat tinggal bagi orang kafir?* (al-Zumar: 32)

SKOP AKHLAK

43

- Akhlak dengan Allah SWT adalah yang paling utama kerana ia sebagai penentu kepada hubungan seseorang dengan yang lain-lain.
- Segala-galanya adalah bergantung kepada sejauhmana keikhlasan dan hubungan hati seseorang itu dengan Allah SWT.
- Oleh itu **niat yang betul** adalah menjadi syarat pertama sesuatu perbuatan itu boleh dikira sebagai ibadah.

SKOP AKHLAK

44

- Antara kewajipan manusia terhadap Allah termasuklah,
- beriman kepada Allah dan kepada apa yang diwahyukan-Nya,
- mentaati segala perintah-Nya,
- menyelidiki tanda-tanda (ayat) Allah dan kejadian alam,
- mensyukuri nikmat-Nya,
- redha dengan segala ketentuan qada' dan qadar-Nya,
- bertawakkal kepada-Nya,
- tidak berputus asa terhadap rahmat-Nya,
- bertasbih dan berzikir,
- beribadat,
- bertaubat dan mencintai Allah.

SKOP AKHLAK

45

```

graph TD
    Redha[Redha] --> Akhlak
    SabarIkhlas[Sabar dan ikhlas] --> Akhlak
    Bersyukur[Bersyukur dengan segala yang ada] --> Akhlak
    Pergantungan[Pergantungan kepada Allah] --> Akhlak
    Taubat[Taubat iaitu keazaman dan penyesalan dengan meninggalkan kesalahan dan segala dosa] <--> Akhlak
  
```

The diagram illustrates the components of Islamah (Religious Ethics) centered around 'AKHLAK DENGAN ALLAH'. Five boxes point to a central circle labeled 'AKHLAK DENGAN ALLAH': 'Redha' (Redha) in red, 'Sabar dan ikhlas' (Sabar and Ikhlas) in blue, 'Bersyukur dengan segala yang ada' (Bersyukur with everything) in purple, 'Pergantungan kepada Allah' (Pergantungan to Allah) in yellow, and 'Taubat iaitu keazaman dan penyesalan dengan meninggalkan kesalahan dan segala dosa' (Taubat is repentance and regret for leaving sins and all sins) in green.

KATEGORI AKHLAK

46

Manusia Sesama Manusia

- Untuk menyempurnakan hubungan sesama manusia, termasuklah terhadap diri sendiri, dengan keluarga, rakan, masyarakat seterusnya dengan orang bukan Islam Allah SWT telah meletakkan nilai-nilai dan garis-garis tertentu dalam soal hubungan dan muamalah dengan semua pihak.
- Firman Allah bermaksud,
Dan janganlah kamu berjalan di atas muka bumi ini dalam keadaan sombang dan bongkak. Sesungguhnya kamu tidak akan dapat menembusi bumi dan menyamai ketinggian bukit. (Al-Isra': 37)
Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim dan dengan orang miskin dan bercakaplah dengan sesama manusia melalui perkataan yang baik. (Al-Baqarah: 83)

SKOP AKHLAK

47

- Allah SWT telah memberi garis panduan yang jelas supaya manusia dalam menjaga akhlak sesama manusia.
- Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu kaum memperlokkan suatu kaum yang lain kerana kemungkinan kaum itu lebih baik daripada mereka. Demikian juga wanita jangan memperlokkan kaum wanita yang lain, boleh jadi kaum itu lebih baik dari mereka dan janganlah **caci-mencaci** antara kamu dan jangan **memberi gelaran-gelaran** yang buruk kepada mereka. Seburuk-buruk nama ialah fasiq setelah beriman dan sesiapa yang tidak bertaubat, mereka itulah golongan yang zalim. (Al-Hujurat: 11)

SKOP AKHLAK

48

- Dalam **din Islam** yang lengkap dan syumul ini, Allah telah menggariskan etika perhubungan dan muamalah sesama manusia dalam semua aspek dan keadaan.
- Islam sangat teliti dan sensitif dalam menjaga keharmonian dan baik sangka sesama mukmin dan menutup pintu yang boleh menimbulkan tanggapan buruk antara mereka.
- Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya,
Bila kamu sedang berkumpul tiga orang, janganlah kamu berbisik berduaan, meninggalkan orang ketiga
(Riwayat Bukhari)

SKOP AKHLAK

49

```

graph TD
    A[Manusia sesama manusia] --> B[Akhlik kepada diri]
    A --> C[Akhlik dengan keluarga]
    A --> D[Akhlik dengan masyarakat]
    
```

Akhlik kepada diri

Akhlik dengan keluarga

Akhlik dengan masyarakat

SKOP AKHLAK

50

Akhlik terhadap diri

Antara akhlak seseorang terhadap dirinya sendiri ialah:

- mesti menjaga kesihatan diri, membersih jiwa daripada akhlak yang buruk, melatih jiwa supaya berfikir dan menganalisis, tidak melampaui batas, istiqamah, bercakap benar, menahan marah, pemaaf, mematuhi peraturan, sabar, ikhlas, sederhana dan sebagainya.

SKOP AKHLAK

51

Akhlik terhadap keluarga

- Antara contoh akhlak terhadap keluarga ialah suami perlu bergaul dengan isteri dengan cara yang baik, berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kepada orang yang lebih tua atau muda daripada kita, tidak membunuh/buang anak kerana bimbangkan kemiskinan, berlaku adil kepada semua orang, anak-anak dan isteri-isteri, berbuat baik dan memberi bantuan kepada kaum keluarga yang dekat dan yang jauh serta sebagainya.

SKOP AKHLAK

52

Akhlik terhadap masyarakat

- Seseorang Muslim perlu menjaga akhlak dengan anggota masyarakatnya.
- Ini termasuklah tidak memasuki sebuah rumah kecuali meminta izin dan memberi salam kepada penghuniya, tidak mengurangkan timbangan, kembalikan amanah kepada empunya, menghakimi dengan adil, tepati janji, menjadi saksi yang benar, menjadi pendamai, memaaf kesalahan orang, mengasih orang lain, menyeri kepada kebaikan, mencegah keburukan, membala kejahatan dengan kebaikan dan lain-lain.

Setiap yang kita lakukan bila-bila dengan jujur... Kerana kejujuran itu selalu penting dalam sebuah kehidupan...

SKOP AKHLAK

53

- "Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat." (Al-Hujurat: 10)

SKOP AKHLAK

54

Akhlik sesama manusia

Seseorang itu perlulah menjaga batas dan tingkah laku yang telah ditetapkan oleh syarak, antaranya ialah:

Tolong-menolong atas perkara kebaikan	Berbaik-sangka serta saling menasihati dengan penuh kasih sayang dan hormat	Berlemah-lembut ketika bercakap serta menjaga tutur kata	Sentiasa mendoaakan kebaikan	Menjaga maruah orang lain dengan tidak menjutuk air mukanya di khalayak ramai
---------------------------------------	---	--	------------------------------	---

SKOP AKHLAK

Manusia Dengan Alam

55

- > Islam juga telah mengatur soal hubungan dengan makhluk-makhluk yang lain selain dari manusia. Ini termasuklah perhubungan atau sikap manusia terhadap binatang, tumbuh-tumbuhan dan alam sekitar yang lain, semuanya telah ditentukan etikanya oleh Allah s.w.t.
- > Sebagai contoh, sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud, *Seorang perempuan diazab kerana mengurung kucingnya tanpa diberi makan sampai mati dan ia dimasukkan ke dalam neraka. Ia tidak memberi makan dan minum terus mengurungnya dan tidak melepaskannya makan makanan di atas bumi.*

SKOP AKHLAK

Adab terhadap haiwan

56

- > Ada banyak jenis binatang-binatang yang dihalalkan Allah untuk dimakan seperti lembu, kambing, ayam dan sebagainya. Binatang-binatang jenis ini mestilah terlebih dahulu disembelihkan dengan menyebut nama Allah.
- > Untuk menyembelih binatang-binatang tersebut, Islam menghendaki ia dilakukan dengan ihsan seperti menggunakan pisau yang tajam. Ini bertujuan mengelakkan kesakitan yang boleh menyeksakan binatang.
- > Islam juga tidak melarang kita membunuh bahkan dalam keadaan tertentu seperti membunuh binatang-binatang yang berbahaya seperti ular, kala dan seumpamanya yang mendatangkan kemudarat.

SKOP AKHLAK

Adab dengan tumbuh-tumbuhan

57

- > Islam juga melarang **memusnahkan alam sekitar** seperti pokok-pokok kayu dan sebagainya tanpa sebab yang diterima oleh syara'.
- > Islam mengalakkan manusia **menanam tanam-tanaman** yang boleh menghasilkan buah untuk manfaat manusia dan binatang. Kerja-kerja tersebut dikira sebagai ibadat dan buah-buah yang dimakan oleh manusia dan binatang adalah sedekah.
- > Islam menyuruh manusia **menggunakan bahan-bahan** seperti kayu bakar dan seumpamanya untuk membuat sesuatu bagi kegunaan manusia seperti tempat kediaman, sekolah dan lain-lain.

SKOP AKHLAK

58

A L A M S E K I T A R	 <p>menjamin keselamatan setiap sesuatu sama ada manusia, haiwan atau tumbuhan</p>	 <p>Tidak merosakkan alam sekitar</p>	 <p>Membantu melestarikan alam sekitar</p>
--	--	--	--

SKOP AKHLAK

59



Jadikan Hari Ini Lebih Baik Daripada Semalam

www.telegabisirufan.com



Sembada-muda manusia adalah orang yang mempunyai akhlak yang merendah diri ketika berkebodohan tinggi, memasif ketika berdaya mendekati dan bersikap adil ketika kuat

Aliffah Alfi Madiq Marwan

AKTIVITI LISAN 7

60

1. Rasulullah SAW mementingkan kemurnian akhlak ketika memulakan dakwahnya di Makkah, kenapa?
2. Huraikan maksud lidah lebih tajam dari pedang.
3. Mengapakah hati menjadi pusat perkembangan atau sumber akhlak seseorang?
4. Berikan perbezaan morak, etika dan akhlak.